

Dr M tidak kecut dengan isu besar

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

BENARKAH Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seorang pemimpin dunia yang radikal? Persoalan ini mungkin timbul di fikiran peserta yang mendengar ceramahnya di Dewan Persidangan Singapura Rabu lalu.

Walaupun tajuk ceramah itu boleh dikatakan terbatas kepada soal dan perkembangan di Asean, tetapi nampaknya daripada soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya, menggambarkan bahawa mereka mahu Perdana Menteri menjawab soalan-soalan yang lebih besar, yang memabitkan soal politik dan ekonomi dunia.

Jadi, sebagai pemimpin yang berkaliber besar, jawapan begini tidak ditolakinya. Sebaliknya, beliau menjawabnya tanpa ragu-ragu, berasaskan kepada hakikat keadaan dunia yang sedang bergolak sekarang.

Daripada topik penyusunan semula dasar Russia, peralihan George Bush, kebangkitan China, fundamentalisme dan ekstremis Islam serta sebagainya, dijawabnya dengan hati terbuka.

Ternyata kira-kira 1,000 peserta termasuk ahli politik, cendekiawan dan profesional dari seluruh dunia menghormati pandangannya. Sukar dinafikan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir ialah seorang yang paling sensitif kepada masalah dunia. Baginya dunia bukan saja menghadapi masalah sengit berikutan peperangan menerusi muncung senapang, tetapi juga peperangan di institusi kewangan yang boleh melumpuhkan negara-negara miskin.

Tidak hairanlah mengapa Institut Kajian Asia Tenggara (ISEAS) menjemput Datuk Seri Dr Mahathir ke majlis itu, menyedari bahawa beliau mempunyai kaliber dan personaliti tersendiri dan mampu melonjakkan fikiran peserta.

Datuk Seri Dr Mahathir ialah penceramah pertama dari negara Asean dijemput berbuat demikian. Penceramah pertama dari luar Asean ialah Perdana Menteri Australia, Bob Hawke, tahun lalu. Penceramah lain yang pernah diundang ialah bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dr Henry Kissinger, bekas Presiden Perancis, Giscard d'Estang, bekas Canselor Republik Jerman, Helmut Schmidt, bekas Setiausaha Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato), Dr Joseph Luns dan bekas Setiausaha Amerika mengenai Perdagangan, Peter Peterson.

Sebagai biasa, Datuk Seri Dr Mahathir sering tersenyum ketika menjawab soalan yang diajukan kepadanya, meskipun adakalanya beliau membuat sindiran pedas kepada negara-negara kuasa besar.

"Ada sesuatu yang tidak betul terhadap sistem yang diamalkan oleh Amerika Syarikat," katanya dengan berterus terang ketika menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya mengenai reaksi pemilihan George Bush sebagai Presiden Amerika yang baru.

Tetapi sebagai seorang yang memahami dan menghayati amalan demokrasi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia adalah pemilihan yang baik kerana Bush dianggap lebih berpengalaman daripada Dukakis. Cuma yang membimbangkan ialah Bush mungkin melupakan janji yang dibuatnya ketika berkempen yang pasti memberi kesan kepada dunia.

Soal Jepun juga menarik perhatian kerana Datuk Seri Dr Mahathir mengaitkan kesan ekonomi yang mungkin dihadapi oleh dunia. Bagi Datuk Seri Dr Mahathir, Jepun bukan sahaja dapat membangun daripada kemusnahan selepas Perang Dunia Kedua, tetapi dalam keadaan sekarang, mampu menjadi kuasa ekonomi dunia. Jepun terbukti mampu menghadapi pelbagai krisis seperti krisis Yen.

Tetapi bagi negara-negara yang terlalu bergantung harapan kepada Jepun, mereka tidak seharusnya terlalu mengharapkan negara itu. Jepun pasti tidak mahu menghadkan pembabitannya di rantau ini, malah ia juga berminat meluaskan kegiatan ekonominya ke Afrika. Oleh itu, setiap negara membangun perlu membuat perediaan sendiri dengan mengadakan kerjasama serantau. Negara-negara membangun, terutamanya Asean tidak guna bersaing sebaliknya hendaklah saling membantu.

Bagaimanapun, Jepun masih boleh dianggap 'tuan' dalam ekonomi, asalkan ia tidak menjadi 'tuan' kepada kuasa ketenteraan.

Ekonomi

Di bidang ekonomi, Datuk Seri Dr Mahathir ternyata kecewa dengan sikap negara-negara kuasa besar kerana negara-negara membangun terpaksa mengikut telunjuk mereka. Negara-negara kecil agak sukar berunding dengan mereka kerana setiap pandangan tidak akan diterima.

Baginya, bagaimana sesebuah negara kecil yang tidak dikenali boleh mempengaruhi Amerika Syarikat. Itulah sebabnya Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan kesalnya terhadap persidangan Montreal yang tidak memberi sebarang kesan mengatasi masalah Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT). Ini menunjukkan tidak ada demokrasi dalam rundingan yang memabitkan kuasa besar.

Baginya, jika sesuatu yang dilakukan oleh negara-negara miskin untuk kebaikan negaranya, adalah sesuatu yang tidak baik tetapi jika ia dilakukan oleh kuasa besar, ia adalah baik.

Beliau mengaitkan keadaan ini dengan strategi pasaran kelapa sawit dengan pembalakan. Negara kecil tidak boleh buat, tetapi negara besar boleh mengeksploitasi apa saja.

Mengenai perubahan ekonomi Russia oleh Gorbachev tidak perlu ditentang tanpa mengkaji kesannya terlebih dahulu. Jika apa yang dilakukannya itu untuk penyusunan semula dasar dan boleh diterima demi kebaikan dunia, semua pi-

hak hendaklah membantu. Jika keadaan ini berlaku amalan dunia yang demokratik akan dapat diwujudkan. Soal bagaimana Gorbachev hendak mempengaruhi Amerika, perlu direnungkan bersama.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir menganggap dalam konteks Asean, ia perlulah mementingkan dirinya terlebih dahulu, dan kemudian di luaskan kepada negara-negara Pasifik. Asean perlu menjadi negara yang mempunyai kuasa membeli dan mengeluarkan. Jadi, jika apa pun berlaku, ia akan dapat bertahan.

Soal kebangkitan China juga mendapat tumpuan berikutan potensinya untuk mengubah corak dunia tidak boleh dipertikaikan. Jika China menjadi kuasa ekonomi pasti akan memberi kesan secara langsung kepada percaturan ekonomi dan politik dunia.

Sebagai pemimpin Islam, Datuk Seri Dr Mahathir tidak dapat lari daripada menjawab soalan yang ada kaitan dengan kebangkitan Islam. Persoalan berkisar mengenai fundamentalisme dan ekstremisme Islam dan peralihan wanita Islam di sebuah negara Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir menjawabnya dengan mudah. Baginya, dunia tidak perlu bimbang dengan pemimpin fundamentalis Islam. Apa yang perlu diberi perhatian ialah mengenai ekstremis Islam. Jawapannya itu mungkin melegakan, tambahan pula Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu mereka bahawa fundamentalisme Islam tidak memberi keburukan kepada dunia, tetapi ia memberi sumbangan besar demi kemakmuran dan keharmonian dunia.

Menyedari bahawa Datuk Seri Dr Mahathir juga ialah seorang pemimpin Malaysia, jadi tentunya beliau tidak dapat lari daripada menjawab soalan yang ada kaitan dengan Malaysia. Soal kaum dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) menjadi tumpuan. Di sini, Datuk Seri Dr Mahathir menegur sikap sesetengah negara yang kononnya memperjuangkan hak sesuatu kaum tetapi mereka sendiri tidak melakukan sewajarnya.

Beliau menjelaskan, ada negara yang mempersoalkan mengenai keseimbangan kaum tetapi bila mereka diminta melakukan perkara yang sama, ia tidak dapat dilakukan. Adakah Australia sanggup menerima pendatang orang asing sedangkan ia adalah sebuah negara besar? Begitu juga dengan Britain, adakah ia sanggup membuka sekolah untuk menempatkan khas kaum pendatang?

Datuk Seri Dr Mahathir juga diundang mengambil bahagian dalam forum televisyen anjuran Perbadanan Penyiaran Singapura (SBC). Beliau menjawab pelbagai soalan yang ada kaitan dengan Asean. Salah satu soalan ialah mengenai kemampuan Asean yang begitu besar dalam bidang ekonomi, tetapi tanda tanya yang timbul, mengapa ia sukar dilaksanakan?

Salah seorang panel menyebut bahawa sebelum ini ada tokoh yang membuat

perbandingan bahawa potensi Asean di-
baratkan sebagai mampu mencipta
'Rolls Royce', tetapi prestasi yang ditun-
jukkan oleh Asean hanyalah ibarat 'Mor-
ris Minor'.

Datuk Seri Dr Mahathir menjawab
dengan mudah soalan ini. Beliau mem-
buat perbandingan dengan kemampuan
berfikir manusia. Katanya, manusia
hanya menggunakan lima peratus dari-
pada keupayaan daya berfikirnya, tetapi
ini tidak bermakna ia tidak boleh
menggunakan 100 peratus daripada
daya fikirannya. Mungkin suatu hari
nanti ia akan menggunakan sepenuhnya
daya fikir itu.

Begitu juga dengan Amerika Syarikat
dan Russia. Sebenarnya kedua-dua ne-
gara itu mempunyai potensi yang lebih
besar, malah 10 kali ganda daripada
yang ada sekarang, tetapi disebabkan
faktor politik dan sebagainya, ini tidak
dapat dilakukan.

Asean juga mempunyai masalah lain
yang lebih besar, yang perlu diselesai-
kan terlebih dahulu.

Tentunya dalam soal Asean, Datuk
Seri Dr Mahathir mempertahankan, po-
tensi itu sebagai sebuah pertubuhan
yang terus kental sekurang-kurangnya
hingga akhir abad ini. Asean masih
banyak ruang untuk meningkatkan ker-
jasama meskipun ramai yang berpenda-
pat bahawa Asean hanya berjaya di bi-
dang politik tetapi menghadapi masalah
besar di bidang ekonomi. Mungkin
Asean memerlukan masa untuk mem-
perbaiki sistem itu.

Satu lagi perkara menarik ialah
mengenai kemungkinan Vietnam
menyertai Asean. Datuk Seri Dr Ma-
hathir tidak nampak sebarang masalah
besar jika Vietnam mengubah strate-
ginya dan tidak menceroboh negara ji-
ran. Soal ideologi bukanlah perkara uta-
ma kerana Malaysia juga memang
mempunyai hubungan diplomatik
dengan negara-negara yang berlainan
ideologi. Begitu juga dengan Burma, ka-
tanya.

Lagi satu persoalan yang dianggap
menarik perhatian ialah mengenai pan-
dangan Datuk Seri Dr Mahathir mence-
nai ketahanan negara. Beliau menje-
laskan, sesebuah negara seperti
Malaysia memerlukan ketahanan nega-
ra jika ia mahu terus makmur.

Jika hendak merumuskan hasil lawa-
tan Datuk Seri Dr Mahathir ke Singapu-
ra, kita tidak dapat melarikan diri dari-
pada mengatakan bahawa
kehadirannya juga adalah sebagai elit
yang memberi pandangan baru kepada
golongan cendekiawan lain.

Sudah tentu beliau juga adalah se-
orang ahli politik dunia yang matang
dan berpengalaman. Bak kata bekas
Timbalan Perdana Menteri Singapura,
Encik S Rajaratnam Datuk Seri Dr Ma-
hathir adalah ahli politik yang bukan
konvensional. Menurutnya, Datuk Seri
Dr Mahathir sanggup merempuh 'no en-
try' untuk mempertahankan sesuatu,
jika ia memberi kebaikan.